

Acyclovir 800 STADA

Acyclovir 800 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Acyclovir 800 STADA
2. Bagaimana Acyclovir 800 STADA berfungsi
3. Sebelum mengambil Acyclovir 800 STADA
4. Cara menggunakan Acyclovir 800 STADA
5. Semasa menggunakan Acyclovir 800 STADA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Acyclovir 800 STADA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Acyclovir 800 STADA

Acyclovir 800 STADA adalah ubat untuk rawatan jangkitan virus (agen antivirus). Acyclovir digunakan untuk jangkitan virus Shingles (herpes zoster).

Bagaimana Acyclovir 800 STADA berfungsi

Acyclovir adalah ubat antiviral yang bertindak ke atas sel-sel yang dijangkiti dengan mencegah pertumbuhan virus.

Sebelum mengambil Acyclovir 800 STADA

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergic (hipersensitif) terhadap ubat yang mengandungi acyclovir atau valacyclovir, atau mana-mana ramuan Acyclovir 800 STADA yang lain.

Sebelum anda mula mengambil

- Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Acyclovir 800 Stada.

Jika mengambil ubat-ubat lain

- Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Probenecid (ubat urikosurik untuk gout) mengurangkan perkumuhan acyclovir melalui ginjal, yang boleh meningkatkan pengekalan

acyclovir dalam badan.

Cara menggunakan Acyclovir 800 STADA

Berapa banyak harus digunakan

- Arahan yang diberikan di bawah diguna pakai melainkan jika doktor telah mempreskripsikan Acyclovir 800 Stada sebaliknya untuk anda.
- Dewasa:
Shingles (herpes zoster):
Ambil 1 tablet (800mg) 5 kali sehari setiap 4 jam.
Pesakit dengan fungsi ginjal terjejas, khususnya yang wujud di kalangan pesakit warga tua, akan memerlukan dos acyclovir yang lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas. Jika anda mempunyai masalah ginjal, doktor akan menyesuaikan dosis untuk mencerminkan fungsi ginjal anda.

Bila perlu diambil

- Telan tablet seluruhnya dengan cecair yang cukup (contohnya segelas air) selepas makan. Pengambilan cecair yang mencukupi perlu dipastikan semasa terapi Acyclovir 800 Stada, terutamanya bagi pesakit dengan fungsi ginjal yang terjejas. Untuk respons terbaik, terapi Acyclovir 800 Stada perlu dimulakan seawal yang mungkin, iaitu sebaik sahaja tanda atau simptom pertama jangkitan muncul.
- Khususnya untuk jangkitan virus herpes simplex yang berulang, Acyclovir 800 Stada perlu dimulakan pada prodromes pertama(contohnya gatal, lecuran/ketidakselesaian, vesikel awal).

Berapa lama perlu diambil

- Doktor akan menentukan berapa lama anda perlu meneruskan terapi Acyclovir 800 Stada. Dalam jangkitan virus herpes simplex, terapi Acyclovir 800 Stada biasanya akan diteruskan selama

lima hari, tetapi keadaan klinikal pesakit boleh menyebabkan rawatan yang lebih panjang.

Jika terlupa mengambil

- Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Teruskan rawatan anda sebagaimana yang dipreskripsikan. Jika anda telah terlupa beberapa dos, atau jika anda tidak mengambil Acyclovir 800 Stada yang cukup, sila rujuk kepada doktor.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Intoksikasi tidak mungkin selepas dos berlebihan Acyclovir 800 Stada. Dos tunggal 5g acyclovir tidak menghasilkan tanda atau simptom intoksikasi. Namun, tiada data tersedia untuk dos tunggal yang lebih tinggi. Jika anda mengesyaki dos berlebihan, mengalami kesan sampingan yang ketara atau dalam keraguan, pastikan anda bincang dengan doktor tentang apa-apa kebimbangan yang anda ada. Acyclovir dihapuskan dengan berkesan oleh hemodialisis.

Semasa menggunakan Acyclovir 800 STADA

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa mengambil Acyclovir 800 Stada tepat seperti yang diberitahu doktor atau ahli farmasi. Anda harus semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Sila tidak:

- 1) Ambil apa-apa ubat lain dengan sendiri.
- 2) Ambil probenecid serentak.

Perkara yang perlu diambil perhatian

- Acyclovir telah dikesan dalam susu ibu berikutan pemberian produk acyclovir. Oleh itu, menyusu adalah tidak digalakkan semasa mengambil Acyclovir 800 Stada.

Acyclovir 800 STADA

Acyclovir 800 mg

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, tablet Acyclovir boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya.

Kesan-kesan sampingan yang biasa adalah:

- Pening kepala
- Ruam kulit
- Rasa loya
- Cirit-birit
- Sakit perut

Sekiranya anda mengalami sebarang kesan buruk yang tidak diterangkan dalam Sisipan ini, sila pastikan anda maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Acyclovir 800 STADA

Penyimpanan

- Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Jangan simpan di atas 30°C

Pelupusan

- Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

- Acyclovir 800 STADA ialah tablet bulat, putih, dwicembung, tertera VS 3.
- Ia tersedia dalam pek sebanyak 35.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif ialah acyclovir.
- Ramuan lain ialah Colloidal anhydrous silica, Copolyvidone, Microcrystalline Cellulose, Magnesium Stearate, Sodium Starch Glycollate

Nombor MAL:

MAL19984317AZ

Pengilang

STADA Arzneimittel AG
STADASTRASSE 2-18
D-61118 BAD VILBEL
GERMANY

Pemegang pendaftaran produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd,
B-11-01, The Ascent, Paradigm
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP

17/09/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)201125/565